

# Kejayaan negeri, anak jati dibukukan

Oleh Maznah Darus

DAYA tarikan pada buku ini cukup banyak. Antaranya ialah paparan kisah suka duka kehidupan Seniman Agung dan Biduan Negara, Tan Sri P Ramlee yang diselitkan dengan gambar rumah artis serba-boleh itu di alamat sempena namanya di Pulau Pinang.

Dengan lebih 350 lagu ciptaannya dan lakonan dalam 66 filem, anak seni yang nama sebenarnya Teuku Zakaria Teuku Nyak Putih itu memang tidak perlu diperkenalkan lagi.

Jika itu belum mencukupi untuk menarik minat anda, pembaca turut diajak mengikuti riwayat hidup ahli perniagaan terkemuka kelahiran Pulau Mutiara, yang namanya kini dikaitkan dengan jenama kereta handalan kegemaran ramai, Tan Sri Loh Boon Siew.

Tidak hairanlah, Yayasan Dream Zephyr (Dreamz), sebuah badan kebajikan yang baru ditubuhkan tahun ini, menjual buku itu untuk mengumpulkan dana bagi membantu memenuhi keperluan asas manusia terutama berbentuk kewangan.

Dua badan kebajikan yang bakal memanfaatkan kutipan berkenaan ialah Enyu Counselling Service Centre dan Asia Community Service.

Matlamat asas penubuhan Dreamz ialah memenuhi impian melalui pengalakkan kegiatan seni dan budaya, pencapaian akademik dan intelektual serta membasmi masalah sosioekonomi.

Tidak hairan jika Dreamz menjadi penerbitan buku berjudul *Pinang: Beyond Aspirations* itu untuk menonjolkan kisah kejayaan yang dicapai negeri ini dan oleh anak jatinya yang berjaya mengharumkan nama Pulau Pinang sehingga muncul sebagai di antara negeri paling unik dan maju di Malaysia.

Antara yang terpapar di dalam buku itu ialah gambar bangunan bersejarah seperti Masjid Kapitan Keling, Rumah Besar Cheong Fatt Tze, perniagaan turun-temurun yang masih diamalkan oleh segelintir masyarakat yang tinggal di kawasan dalam Georgetown dan tempat beli-belah yang sering menjadi tumpuan di pulau ini.

Lebih istimewa lagi, buku itu turut menyorot kehidupan beberapa anak Pulau Pinang yang sudah popular dalam bidang yang diceburi, seperti model jelita yang kini menjadi hos televisyen, Soong Ai Ling.

Pembaca juga akan berkesempatan mengikuti jejak jaya yang dilalui oleh beberapa personaliti, artis dan pemilik syarikat tempatan yang menempa nama pada peringkat antarabangsa dan turut menyokong projek buku itu seperti pereka kasut yang kini beroperasi di United Kingdom iaitu Datuk Jimmy Choo.

Turut bersetuju untuk ditemu ramah dan ditulis riwayat hidupnya ialah Ketua Menteri yang paling lama menerajui kedudukan tertinggi negeri ini iaitu Tun Dr Lim Chong Eu.


Kata Pengerusi projek penerbitan buku itu, Gillian Teh, dua matlamat



Jimmy Choo



P Ramlee



PEMBAUT songkok ini masih mampu mempertahankan perniagaan yang diwarisi daripada ayahnya.

asas penerbitan buku ini ialah mengumpul dana bagi membantu masyarakat kurang berkemampuan selain merakamkan penghargaan kepada seramai mungkin individu berjaya yang memberikan inspirasi kepada anak jati Pulau Pinang lain agar sama-sama berusaha mencapai impian.

"Secara ringkas ia boleh disifatkan sebagai sebuah penerbitan yang benar-benar mengiktiraf negeri ini seadanya dengan mengambil kira kisah lam-

paunya dan usaha yang sedang berjalan dan rancangan masa depannya untuk terus mencipta sejarah.

"Ini kerana wawasan dan impian anak jati Pulau Pinang terbukti sudah membawa kecemerlangan dalam proses pembangunan Pulau Mutiara sehingga ia berubah menjadi pusat industri serta percambahan kegiatan aneka budaya yang menarik di utara Semenanjung Malaysia," katanya.

Gillian berkata, buku mengenai Pu-